

### Nak pinjam RM160,000 rugi RM25,600

**Alor Setar:** Niat seorang lelaki untuk membuat pinjaman peribadi RM160,000 dengan sebuah syarikat pinjaman bertukar sebaliknya apabila dia kerugian RM25,600 selepas terpedaya dengan sindiket terbabit.

Menurut sumber, mangsa berusia 29 tahun dihubungi seorang lelaki yang mendakwa daripada syarikat pinjaman peribadi dan menawarkan pembiayaan kewangan kepadanya jika berminat pada Disember tahun lalu.

“Tertarik dengan tawaran itu, mangsa kemudian ber-setuju untuk membuat pinjaman RM160,000.

“Bagaimanapun, suspek memberitahu sebelum memasukkan wang itu ke dalam akaun mangsa, dia perlu membuat pembayaran wang proses pinjaman itu ke dalam akaun bank diberikan,” katanya.

Sumber berkata, mangsa yang tidak mengesyaki apa-apa kemudian membuat pembayaran itu bebe-

rapa kali ke dalam akaun diberikan suspek pada 1 Januari lalu di Kulim berjumlah RM8,000.

“Bagaimanapun, selepas membuat pembayaran itu, mangsa masih gagal menerima wang itu sebelum menghubungi suspek namun gagal.

“Dia kemudian menghubungi seorang lagi lelaki lain yang bekerja dengan syarikat itu sebelum lelaki itu memberitahu perlu menjejaskan Cukai Barangan dan

Perkhidmatan (GST) sebanyak RM9,600 baru pinjaman itu diluluskan.

“Selepas itu mangsa tetap gagal menerima bayaran itu, malah dikenakan pula caj perkhidmatan RM8,000 dan sekali lagi dia membayarnya.

“Namun, selepas wang dipinjam belum diterima dan sudah mengeluarkan modal menyebabkan mangsa berasa ditipu apabila semakan dengan pihak Bank Negara mendapati syarikat itu tidak wujud,” katanya.